

1974

KUALA LUMPUR, 20 NOV. (BERNAMA) -- MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED MEMBERITAHU DEWAN RAKYAT HARI INI TIDAK ADA KEKURANGAN KELAS-KELAS DI SEKOLAH RENDAH ALIRAN CHINA.

KATANYA, APA YANG BERLAKU IALAH IBUBAPA-IBUBAPA INGIN MENGHANTAR ANAK-ANAK KE SEKOLAH-SEKOLAH TERPILIH DAN BERHAMPIRAN DENGAN RUMAH MEREKA.

KELAS-KELAS DI SEKOLAH-SEKOLAH ITU TERHAD DAN INI MENIMBULKAN KEKURANGAN, KATA BELIAU MENJAWAB DR. CHEN MAN HIN (DAP-SEREMBAN) YANG JUGA BERTANYA MENGENAI KEKURANGAN GURU-GURU DI SEKOLAH-SEKOLAH ITU.

DR. MAHATHIR BERKATA KEKURANGAN GURU-GURU TERLATIH TERDAPAT DI SEMUA JENIS SEKOLAH DAN KERAJAAN MELANTIK GUR-GURU SEMENTARA YANG MEMPUNYAI KELAYAKAN UNTUK MENGATASINYA.

KEMENTERIAN JUGA AKAN MELATIH LEBIH BANYAK GURU DAN EMPAT LAGI BUAH MAKTAB PERGURUAN BARU AKAN DIBINA.

DR. MAHATHIR MENASIHATKAN IBUBAPA JANGAN MEMILIH SANGAT SEKOLAH-SEKOLAH DAN MENGHANTAR ANAK-ANAK MEREKA KE SEKOLAH-SEKOLAH YANG MASIH MEMPUNYAI TEMPAT.

ENCIK FAN YEW TENG (DAP-MENGLEMBU) MENIMBULKAN MENGENAI GURU-GURU YANG TIDAK PUASHATI DENGAN BEBAN KERJA YANG BERAT DAN MAHU TAHUN LANGKAH YANG AKAN DIMABIL UNTUK MENGATASI MASALAH ITU.

DR. MAHATHIR BERKATA PERKARA ITU TIDAK MELIBATKAN SEMUA GURU TETAPI KEMENTERIAN AKAN MENYIASAT SUNGUTAN GUR-GURU YANG MEMPUNYAI BEBAN KERJA TERUTAMA BERHUBUNG DENGAN KEGIATAN MEREKA DALAM MAJLIS SOKAN SEKOLAH-SEKOLAH.

KATANYA, LANGKAH-LANGKAH WAJAR AKAN DIAMBIL JIKA SUNGUTAN ITU DIDAPATI BENAR. --BERNAMA 1723/LK